

Utusan Malaysia Februari 2019

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	2 Februari 2019	Guru besar SJKC minta suapan?	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	2
2.	8 Februari 2019	'Nama pun tuduhan, terserah SPRM jalan siasatan' - Nasharudin Mat Isa	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	4
3.	9 Februari 2019	Pegawai TLDM ditahan SPRM Kes tuntutan palsu sewa bas, catering	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	6
4.	9 Februari 2019	SPRM tahan bekas Ahli Parlimen Johor	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	7
5.	10 Februari 2019	Bekas Ahli Parlimen, Ahli Lembaga Felda didakwa rasuah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	8
6.	11 Februari 2019	SPRM digesa siasat syarikat terima permit usaha 400 hektar ladang	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	10
7.	14 Februari 2019	Kelulusan tanah tidak melalui tender terbuka	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	12
8.	15 Februari 2019	Setiausaha Pejabat TKSP direman lima hari	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	14
9.	15 Februari 2019	Pendakwaan mohon kes Rizal pindah mahkamah lain	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	16
10.	15 Februari 2019	Naroden serah kepada SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	18
11.	16 Februari 2019	Ketirisan penggunaan buku kerja	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	19
12.	16 Februari 2019	Lapan dokumen diserahkan ke pihak pembelaan	Pecah Amanah	21
13.	18 Februari 2019	Pengurus syarikat, penjawat awam ditahan SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	23
14.	21 Februari 2019	Timbalan Pengarah agensi kerajaan di Kedah direman 5 hari kes tuntutan palsu	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	24
15.	21 Februari 2019	'Land swap' Kementerian Pertahanan: Serah SPRM jika berunsur rasuah - Timbalan KPN	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	25
16.	22 Februari 2019	Jadikan bodek jenayah rasuah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	26
17.	24 Februari 2019	MCW kemuka 100 aduan salah guna kuasa, rasuah kepada SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	28
18.	24 Februari 2019	Rasuah projek RM3 juta: Bekas CEO antara 3 direman	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	30
19.	27 Februari 2019	Bekas kerani akaun hadapi 138 tuduhan pecah amanah	Pecah amanah	32

2 Februari 2019

1. Guru besar SJKC minta suapan?

SAUDARA PENGARANG,

SAYA ingin menarik perhatian semua tentang gejala negatif yang wujud di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) iaitu banyak menggunakan buku kerja pelbagai subjek dalam pengajaran dan pembelajaran (PnP).

Secara relatif, SJKC merupakan sekolah yang paling banyak membeli buku kerja berbanding sekolah aliran lain. Mengikut kajian oleh Jiazong atau kumpulan aktivis ibu bapa SJKC dalam media sosial, sekolah terbabit terlalu mengutamakan pendekatan pembelajaran berlandaskan pengukuhan latih-tubi melalui buku kerja.

Amalan itu mungkin antara sebab mengapa SJKC memperoleh keputusan lebih baik dalam peperiksaan.

Malangnya, di sebalik amalan dan budaya menggunakan buku kerja secara optimum, ia membuka peluang berlakunya penyelewengan atau ketirisan tidak terhingga.

Segelintir guru besar SJKC didakwa cuba mengaut untung daripada penjualan buku kerja. Hasil kajian Jiazong mendapati, jumlah pendapatan tidak halal golongan itu sebenarnya bukan sedikit.

Kedai buku di SJKC terutama di bandar biasanya dikendalikan oleh kontraktor. Dilaporkan sesetengah guru besar menerima sogokan daripada pihak swasta demi ditawarkan kontrak kedai buku sekolah selama dua tahun (sepenggal).

Difahamkan mulai 2018, Kementerian Pendidikan (KPM) telah bertegas dalam menangani isu ini. Mengikut surat pekeliling kementerian itu, SJKC cuma dibenarkan memesan sebuah buku kerja bagi setiap subjek untuk lima subjek teras bagi tahap dua. Tahap satu pula tiada buku kerja dibenarkan sama sekali kerana dibekalkan secara percuma oleh kementerian.

Pemilihan buku kerja seharusnya dibuat oleh jawatankuasa panitia subjek di SJKC secara bebas. Faktor harga, kesesuaian dan mutu perlu dijadikan pertimbangan dalam pemilihan buku kerja.

Namun demikian, didapati masih ada segelintir guru besar berani meminta habuan dengan menjanjikan buku penerbit dijadikan pilihan. Kontraktor swasta khabarnya berebut-rebut memikat guru besar dengan pelbagai suapan agar diberi kontrak kedai buku sekolah.

Sesungguhnya, sebagai penjawat awam, guru besar SJKC dipertanggungjawabkan untuk memimpin pusat pendidikan naungan kerajaan dengan niat baik dan mereka diamanahkan supaya menjalankan

tugas secara gigih, adil dan telus serta tidak boleh sesekali terlibat dalam sebarang kegiatan rasuah atau perlakuan tidak bermoral.

Sekiranya masih ada yang degil dan berani mengingkari perintah kementerian dan aku janji kakitangan awam, maka Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) digesa bertindak segera.

8 Februari 2019

2. 'Nama pun tuduhan, terserah SPRM jalan siasatan'- Nasharudin Mat Isa

BEKAS Timbalan Presiden Pas, Datuk Dr. Nasharudin Mat Isa ketika ditemui wartawan di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas hadir beri keterangan berhubung dakwaan RM90 juta dimasukkan ke dalam akaun pemimpin Pas.-

PUTRAJAYA 8 Feb.- Datuk Dr. Nasharudin Mat Isa menyerahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menjalankan siasatan membabitkan namanya berkaitan dakwaan RM90 juta dimasukkan ke dalam akaun pemimpin Pas.

Malah Bekas Timbalan Presiden Pas itu menjelaskan sudah dinamakan satu tuduhan, oleh demikian beliau telah memberikan kerjasama penuh terhadap siasatan dan sekali gus memberi peluang kepadanya membuat penjelasan berserta bukti.

Katanya lagi, beliau telah mengemukakan pelbagai dokumen seperti yang diminta SPRM ketika sesi keterangan.

"Selain dokumen diminta, yang juga dikemuka adalah penyata kewangan, akaun bank dan segala butirannya termasuk membabitkan akaun saya dan yayasan (Yayasan Gerakan Kesederhanaan Global (GMMF)).

"Mereka juga tanya daripada sumber datang dan bagaimana ia keluar, kemudian saya jawab dengan semua termaktub seperti dalam penyata kewangan itu," katanya ketika ditemui di pekarangan ibu pejabat SPRM di sini hari ini.

Nasharudin yang juga bekas Pengurus Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif GMMF berkata, beliau amat berpuas hati dengan proses mengambil keterangan yang dijalankan SPRM.

Beliau berharap agar semua pihaknya memberi ruang kepada suruhanjaya itu dalam menjalankan siasatan kes berkenaan.

"Saya juga berharap semua pihak contohnya bagi mereka yang kata ada bukti dan sebagainya diminta untuk tampil ke hadapan dan bawa bukti-bukti tersebut."

"Itulah kita harus berikan sepenuh sokongan dan kepercayaan kepada siasatan SPRM, sebab saya yakin profesional mereka dan harus untuk kita berikan sokongan padu," katanya.

Terdahulu, Nasharudin yang tiba di sini pada pukul 8.40 pagi dilihat keluar dari ibu pejabat SPRM pada pukul 12.45 tengah hari untuk berehat seketika bagi menunaikan solat Jumaat.

Beliau dijangka menyambung semula memberikan keterangan pada pukul 3 petang ini.

Utusan Malaysia semalam melaporkan tiga ahli politik dijangka hadir ke SPRM untuk memberi keterangan berhubung dakwaan RM90 juta disyaki daripada 1Malaysian Development Berhad (IMDB) yang dikatakan dimasukkan ke akaun beberapa pemimpin Pas.

Sebelum ini, dilaporkan individu-individu berkaitan akan dipanggil serta beberapa dokumen diteliti SPRM berhubung dakwaan kemasukan RM90 juta ke dalam akaun pemimpin Pas.

9 Februari 2019

3. Pegawai TLDM ditahan SPRM

Kes tuntutan palsu sewa bas, catering

KUCHING 8 Feb. - Seorang pegawai Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sarawak bagi membantu siasatan berhubung tuntutan palsu bagi penyewaan bas dan pembekalan perkhidmatan katering berjumlah RM16,000.

Menurut sumber SPM, Pegawai TLDM berpangkat Leftenan berusia 30 tahun itu ditahan ketika hadir untuk memberikan keterangan bagi membantu siasatan pada 9.50 pagi tadi.

"Pegawai terbabit dipercayai bersubahat dengan tiga suspek yang ditahan sebelum ini dengan mengemukakan invois yang mengandungi butiran palsu bagi membuat tuntutan pembayaran perkhidmatan sewaan tiga buah bas dan katering untuk tujuan latihan menembak pada Oktober 2017.

"Siasatan awal juga mendapati sewaan dan perkhidmatan itu tidak wujud. Semasa penggeledahan dibuat di sebuah rumah suspek yang ditahan sebelum ini, SPM menemui wang tunai RM14,000 di dalam satu sampul surat," katanya.

Tambah sumber, wang tunai tersebut dipercayai hasil daripada tuntutan yang telah dibuat oleh seorang suspek dan belum lagi sempat diagihkan kepada beberapa orang suspek.

Sementara itu, Pengarah SPM Sarawak, Razim Mohd. Noor ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut dan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPM 2009.

9 Februari 2019

4. SPRM tahan bekas Ahli Parlimen Johor

KUALA LUMPUR 9 Feb. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini menahan seorang bekas Ahli Parlimen Johor yang bergelar Datuk berhubung dua kes suapan wang ringgit dan sebidang tanah bernilai kira-kira RM230,000.

Menurut sumber, lelaki yang berusia 56 tahun tersebut yang juga bekas Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah ditahan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya pada pukul 12.40 tengah hari dan berkemungkinan akan didakwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, Johor esok.

Difahamkan, bekas ahli parlimen berkenaan telah menggunakan jawatannya semasa menjawat jawatan sebagai Ahli Lembaga Pengarah FELDA dengan mengambil tindakan mengesyorkan dan meluluskan pelantikan sebuah syarikat pencetakan yang disyaki beliau mempunyai kepentingan bagi kerja-kerja penerbitan Akhbar 1Suara di FELDA antara tahun 2012 dan 2015 yang dianggarkan bernilai lebih RM13 juta.

Sebagai balasan, pada tahun 2013, beliau didakwa telah menerima suapan wang ringgit bernilai RM50,000 dan pada 2014, beliau telah menerima sebidang tanah di Mukim Kota Tinggi, Johor bernilai kira-kira RM180,000.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan memaklumkan lelaki itu akan didakwa atas dua pertuduhan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan. -

10 Februari 2019

5. Bekas Ahli Parlimen, Ahli Lembaga Felda didakwa rasuah

Bekas Ahli Parlimen dan juga bekas Ahli Lembaga Pengarah FELDA, Datuk Noor Ehsanuddin Mohd. Harun Narrashid dihadapkan didakwa atas pertuduhan melibatkan dua kes suapan wang dan sebidang tanah bernilai RM230,000 di Mahkamah Sesyen di sini hari ini.

JOHOR BAHRU 10 Feb. - Bekas Ahli Parlimen Kota Tinggi dan Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini atas dua pertuduhan rasuah berjumlah RM230,000 sebentar tadi.

Datuk Noor Ehsanuddin Mohd. Harun Narrashid, 56, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Kamarudin Kamsun.

Mengikut pertuduhan pertama, Noor Ehsanuddin sebagai penjawat awam yang bertugas di Felda telah menerima suatu benda berharga iaitu deposit tunai berjumlah RM50,000 melalui akaun Maybank miliknya daripada Karya Hidayah Sdn. Bhd.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di Malayan Banking Berhad Cawangan Kluang, 30-34, Jalan Dato' Haji Hassan di dalam daerah Kluang pada 6 September 2013.

Bagi pertuduhan kedua pula, Noor Ehsanuddin didakwa menerima satu benda berharga iaitu sebidang tanah berkeluasan 0.1421 hektar bernilai RM180,000 di Lot 5876, Mukim Kota Tinggi daripada Karya Hidayah Sdn. Bhd.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu di Pejabat Tanah Daerah Kota Tinggi, Bangunan Sultan Iskandar, Aras 1, Jalan Lombong di dalam daerah Kota Tinggi pada 23 Mac 2014.

Kedua-dua pertuduhan itu didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan.

Mahkamah menetapkan wang jaminan RM40,000 bagi kedua-dua pertuduhan dan sebutan semula kes pada 27 Mac depan.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Khazrin Haffiz Khalil manakala tertuduh diwakili peguam Datuk Thrichelvam dan Vincent Lawrence.

11 Februari 2019

6. SPRM digesa siasat syarikat terima permit usaha 400 hektar ladang

AHLI Parlimen Kampar, Thomas Su Keong Siong (tengah) ketika menjawab soalan wartawan selepas membuat laporan di SPRM negeri di Meru, Ipoh Perak hari ini

IPOH 11 Feb. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) digesa menjalankan siasatan terhadap sebuah syarikat yang didakwa menerima permit untuk melakukan pembangunan ladang hutan seluas 400 hektar di daerah Kinta.

Ahli Parlimen Kampar, Thomas Su Keong Siong berkata, siasatan terperinci perlu dilakukan berikutan syarikat tersebut merupakan syarikat baharu yang hanya ditubuhkan kurang daripada lima bulan.

Katanya, berdasarkan siasatan, syarikat yang diberi kebenaran untuk mengusahakan tanah di Hutan Simpan Kledang Saiong dan Hutan Simpan Bukit Kinta itu ditubuhkan pada 26 Julai lalu manakala kelulusan permit pula diberi pada 14 Disember tahun yang sama.

"Bagaimana sebuah syarikat yang beroperasi tidak kurang daripada lima bulan, tanpa sebarang 'track record' dan hanya mempunyai dua pemegang saham boleh diberikan hak di atas tanah seluas 400 hektar di dua kawasan untuk projek ladang hutan?.

"Mengapa kelulusan permit ini diberikan kepada syarikat ini dan bukannya syarikat lain?. Malah, projek itu juga dikatakan diberi untuk tempoh 50 tahun dan kelulusannya perlu diperbaharui setiap tahun," katanya.

Beliau bekata demikian ketika ditemui pemberita selepas membuat laporan kepada SPRM bersama Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka) di Pejabat SPRM Perak di sini hari ini.

Memetik laporan akhbar Sabtu lalu, Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu menyatakan pihaknya akan menyemak terlebih dahulu surat kelulusan permit yang tular di media sosial itu sebelum membuat sebarang kenyataan.

Surat bertarikh 14 Disember 2018 itu memaklumkan kerajaan negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Hasil Hutan Negeri Perak Bil 2/2018 pada 21 November lalu telah meluluskan kawasan seluas 400 hektar kepada sebuah syarikat bagi tujuan projek pembangunan ladang hutan di dalam Hutan Simpan Kledang Saiong dan Hutan Simpan Bukit Kinta.

7. Kelulusan tanah tidak melalui tender terbuka

IPOH 13 Feb. - Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu mengakui kelulusan permit kepada sebuah syarikat bagi mengusahakan pembangunan ladang hutan seluas 400 hektar di daerah Kinta di sini pada Disember lalu, tidak melalui proses tender terbuka.

Ahmad Faizal sebaliknya berkata, ia diluluskan sewaktu Mesyuarat Pasukan Petugas Jawatankuasa Perhutanan yang dipengerusikan olehnya selain dihadiri oleh Pengarah dan Timbalan Pengarah Jabatan Perhutanan negeri serta dua ahli Exco kerajaan negeri.

Dua exco tersebut ialah Pengurus Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam, Hal Ehwal Bukan Islam dan Kampung Baharu negeri, Paul Yong Choo Kiong dan

**AHMAD FAIZAL AZUMU**

Pengerusi Jawatankuasa Agama dan Pendidikan Islam, Luar Bandar dan Pembangunan Usahawan negeri, Asmuni Awi.

"Syarikat tersebut kita melihat daripada ulasan jabatan yang menunjukkan kemampuan pengarah-pengaruhnya sebagai berpengalaman luas dalam usaha (membangunkan) ladang hutan.

"Selain kemampuan syarikat, kita juga mendapat maklumat bahawa ia bekerjasama dengan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), jadi agak kukuh untuk kita berikan kelulusan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis penyerahan surat lantikan Ahli

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) negeri serta pengumuman penambahbaikan dasar perumahan kerajaan negeri di sini hari ini.

Ahmad Faizal diminta mengulas mengenai pemberian permit tersebut ke atas sebuah syarikat yang didapati menggunakan alamat sebuah firma guaman di Taiping, seperti didakwa UMNO Perak semalam.

Dalam pada itu, Ahmad Faizal berkata, beliau percaya firma guaman itu mungkin bertindak sebagai setiausaha kepada syarikat berkenaan.

"Anda beritahu saya apakah itu suatu kesalahan bagi satu pejabat berkongsi dengan beberapa buah syarikat? Saya rasa ia agak normal, kalau itu suatu kesalahan, saya tiada maklumat atau pengetahuan mengenai-nya," katanya.

Diminta mengulas tindakan Ahli Parlimen Kampar, Thomas Su Keong Siong dari Pakatan Harapan (PH) sendiri yang membuat laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) supaya siasatan dijalankan ke atas syarikat berkenaan, Ahmad Faizal menyifatkannya sebagai satu tindakan cukup baik.

"Pada pandangan saya, ia terserah kepada SPRM untuk menjalankan siasatan, malahan, saya gesa untuk dijalankan siasatan dengan sebaik mungkin bagi memastikan tiada perkara yang tidak betul dijalankan oleh kerajaan PH di negeri Perak ini,

15 Februari 2019

8. Setiausaha Pejabat TKSP direman lima hari

SETIAUSAHA Pejabat kepada Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan direman selama lima hari bagi membantu siasatan kes meminta dan menerima rasuah sebanyak RM1.5 juta

PUTRAJAYA 15 Feb.-Setiausaha Pejabat kepada Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan direman selama lima hari bagi membantu siasatan berhubung kes meminta dan menerima rasuah sebanyak RM1.5 juta.

Perintah reman bermula hari ini sehingga 19 Februari itu dikeluarkan Majistret Ahmad Afiq Hasan selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi memboleh siasatan lanjut dilakukan.

Menurut sumber, suspek wanita berumur 39 tahun itu dipercayai meminta suapan sebanyak RM1.5 juta daripada ejen harta tanah sebagai ganjaran untuk tender penjualan harta tanah milik kerajaan di Hong Kong.

Katanya, suspek telah menerima sebahagian wang terbabit daripada wakil syarikat untuk meminta persetujuan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan sebagai dorongan untuk meluluskan tender penjualan harta tanah terbabit.

"Suspek ditahan pada pukul 6.55 petang semalam di pejabatnya di Kementerian Kewangan bagi membolehkan siasatan lanjut dilakukan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009," katanya ketika ditemui pemberita di sini hari ini.

Menurut sumber itu lagi, kesalahan yang dilakukan oleh Setiausaha Pejabat itu adalah pada sekitar akhir tahun lalu dan pihaknya tidak menolak kemungkinan akan ada individu lain turut dipanggil memberi keterangan selepas ini.

"Kita akan melakukan soal siasat terhadap suspek utama ini terlebih dahulu. Sekiranya ada keperluan kita akan panggil individu-individu lain yang berkaitan untuk memberi keterangan berhubung kes ini," katanya.

Terdahulu suspek berkenaan dibawa ke Mahkamah Majistret di sini pada pukul 9.05 pagi dengan memakai baju lokap SPRM dan tangan bergari.

15 Februari 2019

9. Pendakwaan mohon kes Rizal pindah mahkamah lain

DATUK Rizal Mansor yang rasuah berhubung projek Bersepadu Sistem Solar Photovoltaic (PV) Hibrid sekolah di Sarawak hadir bagi prosiding pengurusan kes di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

KUALA LUMPUR 15 Feb. - Pasukan pendakwaan dalam kes rasuah Datuk Rizal Mansor berhubung projek Bersepadu Sistem Solar Photovoltaic (PV) Hibrid sekolah di Sarawak telah memfailkan permohonan untuk memindahkan kes itu ke Mahkamah Tinggi yang mendengar kes pengubahan wang haram membabitkan isteri bekas Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Bekas Hakim Mahkamah Persekutuan yang dilantik menjadi Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Seri Gopal Sri Ram memaklumkan perkara tersebut ketika pengurusan kes itu di hadapan Hakim Collin Lawrence Sequerah.

Permohonan pihak pendakwaan yang difaiklan Rabu lalu itu tidak dibantah oleh peguam Ridha Abdah Subri yang mewakili bekas pegawai khas kepada bekas Perdana Menteri itu.

Mahkamah kemudian menetapkan 14 Mac ini untuk pengurusan kes selanjutnya.

Pada 15 November tahun lalu, Rizal Mansor, 45, didakwa masing-masing atas dua pertuduhan meminta dan menerima rasuah berhubung projek Bersepadu Sistem Solar Photovoltaic (PV) Hibrid dan Penyelenggaraan dan Operasi Genset/Diesel bagi 369 Sekolah Luar Bandar Sarawak, tiga tahun lalu.

Ahli perniagaan itu didakwa atas satu pertuduhan meminta rasuah sebanyak RM187.5 juta bagi pihak bekas isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor daripada Pengarah Urusan Jepak Holdings Sdn. Bhd. (Jepak Holdings), Saidi Abang Samsudin bagi mendapatkan projek bernilai RM1.25 bilion itu secara rundingan terus daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Beliau juga didakwa atas satu pertuduhan meminta RM25 juta daripada Saidi sebagai dorongan untuk memastikan Rosmah membantu syarikat itu mendapatkan projek tersebut.

Tertuduh yang pernah bekerja sebagai pembantu khas Rosmah turut didakwa atas dua pertuduhan menerima suapan RM5 juta bagi pihak Rosmah dan RM500,000 untuk dirinya daripada Saidi sebagai upah membantu syarikat mendapatkan projek berkenaan.

Pertuduhan terhadapnya dikemukakan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah subseksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi.

10. Naroden serah kepada SPRM

KUCHING Feb 15. - Menteri Muda E-Dagang Sarawak Datuk Naroden Majais berkata beliau menyerahkan sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menyiasat kes yang mengaitkan beliau dengan dakwaan penyalahgunaan kuasa.

**Naroden Majais**

Beliau yang juga Menteri Muda Usahawan dan Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Sarawak berkata, beliau akan memberikan kejasama penuh kepada SPRM.

"Oleh kerana perkara itu sudah dilaporkan kepada SPRM, lebih baik ia diserahkan sepenuhnya kepada mereka," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Dua hari lepas Pengarah SPRM Sarawak Razim Mohd Noor mengesahkan pihaknya menerima laporan yang mendakwa Naroden menyalahguna kuasa bagi tujuan peribadi.

Baru-baru ini sebuah portal berita melaporkan bekas wartawan Joseph Tawie membuat laporan di pejabat SPRM di Jalan Tun Jugah di sini pada 8 Feb lepas, yang mendakwa Naroden, yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri Gedong, memiliki tanah yang luas sekitar Simunjan.

Dalam kenyataan yang sama, Naroden turut merujuk kepada satu kes mahkamah.

"Memandangkan perkara berkenaan masih menjadi kes mahkamah, saya tidak boleh membuat sebarang komen mengenainya, bagi mengelak 'sub judice'," katanya.

16 Februari 2019

11. Ketirisan penggunaan buku kerja

DIHARAPKAN tiada lagi campur tangan guru besar dalam sebarang pemilihan buku-buku latihan untuk SJKC

SAUDARA PENGARANG,

MINAT yang tinggi dalam kalangan ibu bapa bumiputera untuk menghantar anak-anak mereka menuntut di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) mungkin terjejas ekoran beberapa insiden yang mencemarkan reputasi sekolah itu sejak kebelakangan ini.

Dilaporkan jumlah anak-anak Melayu dan bumiputera kini mencecah kira-kira 15 peratus daripada jumlah murid SJKC di seluruh negara. SJKC diyakini mampu menawarkan mutu pembelajaran sains dan matematik yang lebih baik.

Penulis ingin menarik perhatian semua atas satu gejala umum yang lama wujud di SJKC iaitu mereka banyak menggunakan buku kerja pelbagai subjek dalam pengajaran dan pembelajaran (PnP). Secara relatif, SJKC merupakan sekolah yang paling banyak membeli buku kerja berbanding aliran sekolah lain.

Mengikut siasatan oleh kumpulan aktivis ibu bapa SJKC dalam media sosial, sekolah tersebut terlalu mengutamakan pendekatan pembelajaran yang berlandaskan pengukuhan bertubi-tubi melalui buku kerja. Amalan itu mungkin antara sebab mengapa SJKC memperoleh keputusan yang lebih baik dalam peperiksaan.

Malangnya, di sebalik amalan dan budaya menggunakan buku kerja secara optimum, ia membuka peluang berlakunya penyelewengan apabila terdapat segelintir guru besar SJKC didakwa cuba mengaut untung daripada penjualan buku kerja pada permulaan dan pertengahan tahun persekolahan kepada ibu bapa. Hasil maklumat yang peroleh kumpulan aktivitis ibu bapa SJKC, amaun pendapatan tidak halal golongan itu sebenarnya bukan sedikit.

Kedai buku SJKC biasanya dikendalikan oleh kontraktor sekolah terutamanya di kawasan bandar, di bilangan muridnya ramai. Dilaporkan sesetengah guru besar menerima sogokan daripada pihak swasta agar kontrak kedai buku sekolah selama dua tahun (satu penggal) diberikan kepada mereka.

Difahamkan mulai 2018, Kementerian Pendidikan bertindak tegas dalam menangani isu penggunaan buku kerja secara berleluasa di sekolah. Mengikut surat pekeliling Kementerian Pendidikan, SJKC cuma dibenarkan memesan sebuah buku kerja setiap subjek untuk lima subjek teras bagi tahap dua. Tahap satu pula tiada buku kerja dibenarkan sama sekali kerana telah pun dibekalkan secara percuma oleh kementerian.

Pemilihan buku kerja seharusnya dibuat oleh jawatankuasa panitia subjek di SJKC secara bebas. Faktor harga, kesesuaian dan mutu buku kerja perlu dijadikan pertimbangan dalam pemilihan buku kerja dan diharapkan guru besar tidak campur tangan dalam sebarang urusan pemilihan tersebut.

Pun begitu, didapati masih ada sebilangan guru besar SJKC yang berani meminta habuan dengan menjanjikan buku penerbit dijadikan pilihan. Sekiranya masih ada pihak yang degil dan berani mengingkari perintah Kementerian Pendidikan dan aku janji kakitangan awam, maka Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) digesa tidak teragak-agak bertindak tegas dan segera.

16 Februari 2019

12. Lapan dokumen diserahkan ke pihak pembelaan

BEKAS Pengarah ME10, Datuk Hasanah Abdul Hamid hadir ke Mahkamah Sesyen bagi pengurusan kes pecah amanah RM50juta, di sini hari ini.

KUALA LUMPUR 26 Feb. - Pihak pendakwaan telah menyerahkan baki lapan dokumen kepada pihak pembelaan melibatkan kes pecah amanah sebanyak RM50 juta oleh bekas pengarah ME10, Datuk Hasanah Abdul Hamid di Mahkamah Sesyen, hari ini.

Perkara tersebut dinyatakan Timbalan Pendakwa Raya, Muhamad Ilmami Ahmad dalam sebutan semula pengurusan kes berkenaan di hadapan Hakim Rozina Ayub hari ini.

Menurutnya, pihak pendakwaan telah menyerahkan 51 dokumen sebelum ini menjadikan jumlah keseluruhan dokumen sebanyak 59.

"Setelah menyerahkan kesemua dokumen dikehendaki, barulah permohonan semula untuk memindahkan kes dari Mahkamah Sesyen ke Mahkamah Tinggi dapat diteruskan," katanya di sini hari ini.

Dalam kes ini, tertuduh diwakili peguam bela Mohd. Khairul Azam Abdul Aziz.

Jelas Muhamad Ilmami, pihaknya juga telah membuat permohonan semula untuk memindahkan kes tersebut ke Mahkamah Tinggi pada 21 Februari lalu.

Menurutnya lagi, sebelum ini pihaknya telah membuat permohonan sama bagaimanapun ditarik balik atas sebab-sebab tertentu.

Untuk itu, pihak pendakwaan memohon satu tarikh sebutan semula bagi menetapkan sama ada kes tersebut akan didengar di Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Tinggi.

Hakim kemudiannya menetapkan 21 Mac bagi tarikh sebutan semula kes berkenaan.

18 Februari 2019

13. Pengurus syarikat, penjawat awam ditahan SPRM

PENGURUS sebuah syarikat yang ditahan SPRM Cawangan Segamat, Johor kerana kemuka tuntutan palsu.

JOHOR BAHRU 18 Feb. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang pengurus syarikat dan seorang penjawat awam kerana kemuka tuntutan palsu di Pejabat SPRM Cawangan Segamat pada 2.30 petang semalam.

Hasil siasatan dijalankan mendapati, kedua-dua suspek bersubahat mengemukakan tuntutan palsu berjumlah RM7,200 kepada Institut Latihan Perindustrian (ILP) Tangkak berkaitan satu program Kursus Pengurusan Organisasi Efektif, yang mana kursus tersebut tidak dilaksanakan.

Kedua-dua suspek berusia lingkungan 40-an adalah seorang pengurus syarikat dan seorang lagi adalah Penolong Pegawai Tadbir yang bertugas di ILP Tangkak.

Kes disiasat di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009 yang mana jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda 5 kali nilai suapan atau RM10,000 mana yang tinggi dan penjara tidak melebihi 20 tahun.

Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut dan memaklumkan Mahkamah Sesyen Segamat telah membenarkan tempoh tahanan reman selama 5 hari terhadap kedua-dua suspek bermula hari ini.

21 Februari 2019

14. Timbalan Pengarah agensi kerajaan di Kedah direman 5 hari kes tuntutan palsu

TIMBALAN Pengarah sebuah agensi kerajaan dan dua lagi kakitangan kerajaan ditahan reman selama lima hari bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkaitan kes tuntutan palsu di Pulau Pinang.

PULAU PINANG 22 Feb. - Timbalan Pengarah agensi kerajaan di Kedah serta dua lagi kakitangan agensi kerajaan di negeri ini ditahan reman bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkaitan kes tuntutan palsu melibatkan kerja-kerja pembekalan dan perkhidmatan pakaian seragam dianggarkan bernilai lebih RM27,000.

Perintah tahanan reman selama lima hari itu dikeluarkan Penolong Pendaftar, Muna Maria Azmi di Mahkamah Majistret Georgetown di sini pagi ini.

Semalam, Timbalan Pengarah berusia 56 tahun itu ditahan di Kedah manakala dua lagi suspek ditahan di Seberang Perai di sini.

Siasatan awal mendapati pada 2016, Timbalan Pengarah itu yang berkhidmat di negeri ini telah mengemukakan tuntutan yang mengandungi butiran palsu berhubung kerja pembekalan dan jahitan pakaian seragam kepada Bahagian Pentadbiran dan Kewangan agensi berkenaan sedangkan pembekalan pakaian seragam tersebut tidak dibuat sepenuhnya.

21 Februari 2019

15. 'Land swap' Kementerian Pertahanan: Serah SPRM jika berunsur rasuah - Timbalan KPN



NOOR RASHID IBRAHIM

KUALA LUMPUR 21 Feb. - Polis akan meneliti laporan dibuat berhubung dakwaan kerugian lebih RM500 juta bagi urus niaga penswastaan memajukan tanah Kementerian Pertahanan sebelum sebarang tindakan dapat diambil.

Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Noor Rashid Ibrahim berkata, setakat ini beliau masih belum dimaklumkan mengenai sebarang laporan dibuat berkenaan kes tersebut.

"Sekiranya laporan sudah dibuat, macam biasalah, kita akan tengok tindakan yang boleh dibuat, sekiranya lebih kepada unsur rasuah, kita akan serah kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)," ujarnya dalam sidang akhbar selepas Majlis Istiadat Penganugerahan Pingat Jasa Pahlawan Negara Kontinjen Kuala Lumpur, di Pusat Latihan Polis (PULAPOL), di sini, hari ini.

Sebelum ini, Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu membuat pendedahan kerugian RM500 juta itu ekoran hasil siasatan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan yang dipengerusikan oleh Tan Sri Ambrin Buang pada 28 Januari lalu.

Semua kerugian dan ketirisan itu membabitkan 16 projek land swap terdiri daripada 2,923 ekar (1,183 hektar) tanah milik Kementerian Pertahanan dengan nilai RM4.7 bilion dan kos projek sebanyak RM4.8 bilion.

22 Februari 2019

16. Jadikan bodek jenayah rasuah

TAKRIFAN suapan rasuah tidak lagi boleh dikaitkan dengan wang atau benda-benda berbentuk material dan barang berharga sahaja sebaliknya lebih meluas

SAUDARA PENGARANG

KERAJAAN khususnya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta Pusat Tadbir Urus, Integriti dan Antirasuah (GIACC) boleh mempertimbangkan untuk melihat, mengkaji dan menjadikan amalan bodek membodek bagi mendapatkan sesuatu sebagai sebahagian daripada jenayah rasuah. Perbuatan itu juga boleh didakwa di bawah akta berkaitan rasuah dalam negara kita.

Mengikut fahaman tradisi atau konvensional, rasuah bermaksud penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan selalunya terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan upah, diskaun dan lain-lain lagi. Menurut peruntukan undang-undang di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694), terdapat empat kesalahan rasuah utama iaitu dengan meminta atau menerima rasuah (Seksyen 16 dan 17 (a) Akta 694), menawar atau memberi suapan (Seksyen 17 (b) Akta 694), mengemukakan tuntutan palsu (Seksyen 18 Akta 694) dan menggunakan jawatan ataupun kedudukan untuk suapan pegawai awam (Seksyen 23 Akta 694).

Perlu diketahui bodek membodek untuk mendapat sesuatu patut juga dijadikan sebahagian daripada amalan rasuah kerana walaupun ia tidak melibatkan pemberian atau pertukaran barang tertentu seperti wang atau hadiah yang diberikan untuk mendapatkan sesuatu sebagai balasan, amalan ini juga sedikit sebanyak mempunyai kesan yang buruk sama seperti amalan rasuah lain.

Cadangan ini boleh dibawa terus kepada SPRM atau GIACC untuk kajian dan penelitian lanjut sebagai usaha memerangi segala bentuk jenayah rasuah dalam negara kita.

DR. MUZAFFAR SYAH MALLOW

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

24 Februari 2019

17. MCW kemuka 100 aduan salah guna kuasa, rasuah kepada SPRM



PRESIDEN Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW), Jais Abdul Karim bersama ahli Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Pahang pada sesi dialog dan taklimat di Pejabat GPMS negeri di Kuantan, Pahang hari ini.

KUANTAN 24 Feb. - Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW) melaporkan kira-kira 100 kes kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung perbuatan disyaki salah guna kuasa dan rasuah sejak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu ditubuhkan.

Presiden MCW, Jais Abdul Karim berkata, sehingga kini, semua aduan berkenaan sedang dalam siasatan suruhanjaya terbabit.

"Kita sedia maklum untuk satu kes, pihak SPRM memerlukan masa kira-kira dua tahun untuk melakukan siasatan dan perlu 80 peratus bukti sebelum dibawa ke mahkamah.

"Kebanyakan kes yang kita laporkan adalah berhubung salah guna kuasa membabitkan penjawat awam," katanya kepada pemberita selepas sesi dialog dan taklimat bersama ahli Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Pahang di sini hari ini.

Yang hadir sama Pengurus GPMS Negeri, Wan Emril Nizam Wan Embong.

Jais berkata, selain aduan orang ramai, MCW juga bergerak secara aktif bagi memantau perjalanan Pilihan Raya Kecil (PRK) iaitu di Cameron Highlands, Pahang baru-baru ini dan ketika ini di Semenyih, Selangor.

Untuk PRK Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih katanya, seramai 20 ahli MCW telah ditauliahkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raja (SPR) untuk menjadi pemerhati di situ.

"Untuk PRK Parlimen Cameron Highlands baru-baru ini, sebanyak tujuh aduan kita kemukakan kepada SPRM dan untuk Semenyih, sehingga kini lima aduan telah dibuat," katanya.

Jelasnya, MCW menjadi rakan strategik SPRM bagi membantu agensi itu memberikan kesedaran kepada orang ramai berhubung kesalahan rasuah dan apa yang penting berani melaporkannya.

24 Februari 2019

18. Rasuah projek RM3 juta: Bekas CEO antara 3 direman

TIGA suspek memakai baju lokap SPRM berwarna jingga diiringi pegawai SPRM sebaik sahaja mendapat perintah tahanan reman bagi membantu siasatan kes menerima suapan projek bernilai hampir RM3 juta, di pekarangan Kompleks Mahkamah Melaka di Ayer Keroh sebentar tadi.

MELAKA 19 Feb. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini menahan reman tiga individu termasuk bekas Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM) serta bekas timbalannya selama lima hari bagi membantu siasatan kes menerima wang suapan membabitkan projek bernilai hampir RM3 juta.

Kedua-dua bekas pegawai di agensi milik kerajaan negeri Melaka itu masing-masing berusia 56 dan 37 tahun dan turut direman ialah Ketua Pegawai Eksekutif sebuah syarikat pembuatan kapal di sini yang berusia 50 tahun.

Perintah reman sehingga 23 Februari itu dikeluarkan oleh Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Melaka, Teoh Shu Yee terhadap kesemua suspek.

Ketiga-tiga mereka direman bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 17(A) Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun penjara dan denda lima kali ganda dari nilai suapan atau RM10,000, mana-mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Sebelum itu, kesemua suspek tiba di pekarangan Kompleks Mahkamah Melaka di Ayer Keroh di sini kira-kira pukul 10 pagi dengan memakai baju lokap SPRM berwarna jingga diiringi pegawai SPRM negeri.

Menurut sumber, SPRM menahan empat individu di sekitar Melaka Tengah semalam termasuk isteri kepada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PPSPM berkenaan, namun permohonan reman terhadap wanita berusia 31 tahun itu ditolak mahkamah.

Suspek yang berkhidmat di PPSPM disyaki telah meminta dan menerima rasuah daripada sebuah syarikat swasta sebanyak RM160,000 sebagai balasan memberikan pembekalan dan baik pulih bot oleh perbadanan berkenaan.

Difahamkan, SPRM turut menyita sebuah kenderaan utiliti sukan (SUV) jenis Range Rover dan pelbagai jam tangan mewah.

27 Februari 2019

19. Bekas kerani akaun hadapi 138 tuduhan pecah amanah



ANGGOTA polis mengiringi bekas kerani akaun, V. Pathumavethi yang menghadapi 138 pertuduhan pecah amanah di Mahkamah Sesyen Ipoh hari ini

IPOH 27 Feb. - Seorang bekas kerani akaun sebuah firma guaman didakwa di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas 138 pertuduhan pecah amanah bernilai RM103,740.55, tujuh tahun lalu.

Tertuduh, V. Pathumavethi, 53, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sebaik sahaja pertuduhan ke atasnya dibacakan di hadapan Hakim Azman Abu Hassan. Mengikut pertuduhan, wanita itu didakwa melakukan pecah amanah berjumlah RM103,740.55 apabila menyalahgunakan harta dan menjadikan harta itu untuk kegunaan sendiri melalui cek bagi pembayaran baucar yang dibuatnya.

Perbuatan tersebut dilakukan tertuduh di Firma Guaman Chong and Poh di Jalan Dato Tahwil Azar antara Januari 2012 hingga Januari 2015.

Pertuduhan terhadap wanita itu dibuat mengikut Seksyen 408 Kanun Keseksian yang boleh dihukum penjara maksimum 14 tahun dan sebat serta boleh didenda.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Fauzi Md. Yusof manakala tertuduh diwakili peguam K. Nahtan. Azman membenarkan jaminan sebanyak RM30,000 dengan seorang penjamin bagi kesemua pertuduhan selain syarat tambahan di mana pasport wanita itu diserahkan kepada mahkamah.

Mahkamah menetapkan 27 Mac ini untuk sebutan semula kes.